

09 OCT 2003

Abdullah-Pilihan raya

ABDULLAH BELUM DAPAT MIMPI ADAKAN PILIHAN RAYA

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata beliau "belum mendapat sebarang petunjuk" tentang bila pilihan raya umum akan diadakan.

"Tak boleh bagi tahu lagi. Saya tak dapat menyatakan bila, tak dapat mimpi lagi," kata Timbalan Perdana Menteri kepada pemberita di sini selepas melancarkan Kursus Teras Pilihan Raya Pemuda Barisan Nasional.

Kursus itu diadakan sebagai persediaan Pemuda BN bagi menghadapi pilihan raya umum dengan lebih 1,000 ahli pemuda daripada 14 komponennya akan menghadiri kursus yang akan diadakan secara berperingkat di 10 Kem Latihan Bina Semangat di seluruh negara.

Abdullah berkata Pemuda BN telah memberikan komitmen kepada beliau bahawa mereka akan mempertingkatkan kerjasama sesama mereka bagi menghadapi pilihan raya umum.

"Saya telah menegaskan kepada mereka betapa pentingnya Pemuda BN menunjukkan kerjasama yang tinggi dan berkesan supaya perpaduan yang kukuh akan memberikan kekuatan sebenar kepada BN dalam pilihan raya.

"Mereka (Pemuda BN) ada kebolehan, perlu ada organisasi, peraturan serta cara-cara kerjasama dalam bentuk formal," kata Abdullah.

Ditanya mengenai pandangannya terhadap pilihan raya umum kali ini, beliau berkata peluang BN lebih baik berbanding pada 1999 tetapi jentera parti harus tidak terlalu yakin dengan kelebihan itu.

"(Perdana Menteri Datuk Seri) Dr Mahathir Mohamad sendiri berkata beliau juga akan menyumbang, melalui ceramah dan sebagainya," katanya.

-- BERNAMA

AT AHH MAI